

23 OCT 2002

S'pura-Mahathir/I

KEUTAMAAN DR MAHATHIR SEBELUM PERSARAANNYA

SINGAPURA, 23 Okt (Bernama) -- Memperbaharui sistem pendidikan Malaysia dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan keamanan pelbagai kaum yang rapuh di negara itu dipulihara merupakan keutamaan bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau berundur pada Oktober depan, menurut laporan Straits Times.

"Masa terus berjalan dan hanya tinggal kira-kira setahun lagi, namun beliau tetap mempunyai banyak perkara untuk dilakukan sebelum menyerahkan tampuk pemerintahan," menurut akhbar itu yang menggunakan Kuala Lumpur sebagai tempat laporannya itu dikeluarkan.

Bercakap kepada wartawan asing di pejabatnya di Putrajaya semalam, beliau berkata keutamaan beliau ialah untuk mengekalkan kestabilan negara dan terutamanya dalam memastikan keharmonian antara kaum yang telah beliau berusaha keras untuk memupuknya akan berterusan selepas beliau bersara.

Beliau sedar wujud "kejutan" semasa beliau dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri dahulu kerana ada yang bimbang bahawa "ultra Melayu ini akan menimbulkan kacau-bilau di negara ini."

"Saya telah menjadi PM selama 21 tahun dan kaum Cina yang bimbangkan saya kini memberikan sokongan baik kepada saya. Ini adalah sesuatu yang saya mahu lihat terus berkekalan," katanya.

"Sekarang, semasa saya memandu sekitar bandar atau pergi ke kompleks beli-belah, orang ramai, kaum Cina, datang kepada saya dan berkata 'terima kasih'," Dr Mahathir dipetik sebagai berkata.

Keamanan antara pelbagai kaum yang sekian lama dinikmati oleh Malaysia merupakan pencapaian yang beliau paling banggakan, katanya.

Dasar-dasar tindakan tegas kerajaan telah berhasil dan merapatkan jurang antara orang Melayu dan Cina, katanya.

Ini adalah antara sebab kenapa tidak berlaku sebarang rusuhan kaum dan masalah di kalangan pelbagai kaum, tidak seperti keadaan di Indonesia semasa berlakunya krisis kewangan pada akhir 1990-an, katanya.

Namun beliau menyatakan bahawa masih terdapat banyak ketaksamaan dan "kami belum menyempurnakan tugas itu."

Sementara tindakan tegas telah membantu orang Melayu untuk maju, beliau masih belum berpuas hati dengan jumlah Melayu yang berjaya, menyatakan bahawa terdapat golongan Melayu yang masih perlu belajar bahawa "hidup bukannya mudah, dan perlu berusaha keras."

Menurut Straits Times, perkara lain yang menjadi keutamaan Dr Mahathir ialah pembaharuan pendidikan, dalam menjayakan cadangan beliau untuk memperkenalkan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah mulai Januari.

Walaupun cadangan itu telah mendapat bantahan keras daripada beberapa kumpulan dalam gabungan parti pemerintah, beliau tidak terhalang dengan perkara itu.

Seperti negara lain di dunia, Malaysia perlu "mengikuti perkembangan semasa" dan menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris, tegas beliau.

Dalam temubual selama sejam itu, beliau turut menyatakan yang beliau bercadang untuk terus berjuang dalam politik menentang lawannya dalam Parti Islam SeMalaysia (PAS), menurut Straits Times.

Malaysia, isytihar Dr Mahathir, adalah sebuah negara fundamentalis Islam dan diiktiraf oleh dunia dalam perkara itu.

Ini katanya, bukannya satu perubahan dalam kedudukan negara tetapi "satu hakikat" kerana negara itu berpegang kepada kepercayaan asas Islam,

sebuah agama yang penuh toleransi yang menggalakkan keamanan, persefahaman dan pemerolehan pengetahuan.

"Jadi tidak perlu berjuang untuk mewujudkan sebuah negara Islam, yang menurut pembangkang sedang diperjuangkan oleh mereka. Dunia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah Negara Islam, model sebuah Negara Islam, yang mereka ingin contohi."

Beliau juga mengisytiharkan bahawa "golongan radikal Islam bukannya Islam sebenar".

"Ramai orang yang telah bosan dengan cara Islam disalahtafsirkan," kata Dr Mahathir.

PAS, katanya, telah berjaya memainkan fakta itu kerana terdapat ramai orang biasa di kampung-kampung Melayu, walaupun alim tetapi "tidak mempunyai pengetahuan mendalam mengenai Islam".

Sebab itu kenapa mereka ini malahan mempercayai pemimpin-pemimpin pembangkang yang membuat kenyataan yang membandingkan Allah dengan samseng, katanya.

Dr Mahathir berkata parti pimpinnya, Umno, tidak akan lari daripada perjuangan itu demi kebaikan orang Islam.

"Kami tidak mempunyai niat untuk memisahkan agama daripada politik. Apa yang kami ingin lakukan ialah memisahkan politik daripada penyeleweng tafsiran mengenai Islam. Kami akan memperjuangkan agama bagi mendapatkan sokongan rakyat."

Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau "mahu berehat" dan tidak akan kekal sebagai PM, ataupun sebagai seorang anggota Parlimen. Namun beliau masih belum memutuskan apa yang beliau akan buat.

"Saya telah ditanya oleh banyak orang mengenai soalan mengenai persaraan saya. Ramai orang yang mempunyai banyak perancangan untuk diri saya. Namun saya sentiasa berfikiran terbuka," katanya sambil tersenyum.

-- BERNAMA  
SS AAM RHM